

Kereta abang Dr Mahathir dipercayai disimbah asid

BH 16 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Rabu - Sebuah kereta jenis Volvo 940 milik abang Perdana Menteri, Mansor Mohamad rosak dipercayai akibat disimbah asid di pekarangan kediamannya di Kelab Sungai Petani, Sungai Petani, Kedah.

Kejadian itu disedari pemandu peribadi Mansor kira-kira jam 7 pagi ini ketika tiba di rumah itu untuk memulakan tugas hariannya.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Superintendan Ab-

dul Rahim Jaafar, berkata pemandu meletakkan kereta terbabit di pekarangan kediaman itu bersebelahan kereta Proton Wira kira-kira jam 8 malam semalam.

Katanya, cat kenderaan itu menggelupas teruk di bonet dan bumbung.

"Ketika ini, siasatan berhubung kejadian itu masih dijalankan terutama untuk mengenal pasti motif kejadian.

"Bagaimanapun, siasatan awai mendapati Mansor tidak pernah menerima sebarang ugutan da-

ripada mana-mana pihak sebelum kejadian itu," katanya ketika dihubungi di Alor Star, Kedah, hari ini.

Abdul Rahim berkata, berikutan kejadian itu, anak perempuan Mansor membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda pagi ini.

Katanya, sehingga malam ini, tiada tangkapan d i b u a t .

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain ketika dihubungi di Alor Star. Kedah menerima

maklumat mengenai kejadian itu kira-kira jam 10 pagi ini.

"Saya dimaklumkan polis negeri ini mengenai kejadian itu. Bagaimanapun motif sebenar tidak diketahui setakat ini.

"Mungkin juga, pihak yang bertanggungjawab melakukan perbuatan itu tersilap or&g atau tersilap kenderaan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri, berkata polis akan meneliti pelbagai sudut bagi mengenal

pasti punca pihak terbabit bertindak sedemikian.

Katanya, walaupun tidak ada sesiapa yang cedera, polis masih meneruskan siasatan.

Semalam, rumah Naib Pengerusi Bahagian Wanita MCA Sungai Petani yang juga ahli Majlis Perbandaran Sungai Petani dilempar plastik berisi cecair dipercayai asid.

Kejadian itu berlaku kira-kira jam 1 pagi di kediaman Chan Bee Hin, 50, dari Taman Perpaduan, Bakar Arang.